

28 SEP 2003

Air-Kubang Pasu

KUBANG PASU KERAP TERPUTUS BEKALAN AIR DAN ELEKTRIK

JITRA, 28 Sept (Bernama) -- Pejabat Daerah Kubang Pasu diminta berusaha segera mengatasi masalah kekerapan terputusnya bekalan air dan elektrik di daerah itu khususnya di Jitra sejak enam bulan lepas.

"Masalah yang berlaku ini bukan sahaja menjejaskan perniagaan malahan penduduk menghadapi kesukaran kerana tidak dimaklumkan lebih awal," kata bekas wakil peribadi Perdana Menteri di kawasan Parlimen Kubang Pasu, Saad Hashim hari ini.

Saad yang juga bekas ahli Majlis Daerah Kubang Pasu antara 2001 hingga 2003, berkata beliau telah mengemukakan masalah itu kepada Pegawai Daerah Kubang Pasu beberapa kali tetapi keadaan masih tidak berubah.

Menurut Saad, masalah terputus bekalan air semakin kerap sejak dua bulan lepas sekurang-kurangnya tiga kali dalam seminggu manakala bekalan elektrik mula kerap terputus sejak dua minggu ini.

Bekalan air yang disalurkan semula pula kerap kotor dan ini boleh menjejaskan kesihatan pengguna, katanya.

Ramai penduduk daerah itu yang menelefon dan menemui wakil Bernama di sini bagi melahirkan masalah yang sama.

Menurut beberapa orang penduduk, masalah itu sepatutnya telah diselesaikan dan bukannya cuba diatasi hanya apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang melawat kawasan dan membuat teguran.

Pegawai Daerah, Datuk Abdul Mukhti Abdullah tidak dapat diminta mengulas masalah itu kerana berada di luar negara.

-- BERNAMA

ZA MOZ